KENYATAAN MEDIA

YAB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

MEMBANGUNKAN DESA, MEMAKMURKAN RAKYAT

Hari ini saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Penyelarasan MEXCLUB Ke-61 Bilangan 1 Tahun 2026** iaitu platform penyelarasan antara Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan Exco-Exco Luar Bandar seluruh negara bagi menyelaras dasar, pelaksanaan dan keutamaan pembangunan desa.

Dalam mesyuarat ini, saya menegaskan bahawa pembangunan desa yang sebenar **mestilah berteraskan *spiritual happiness*, bukan sekadar mengejar *physical happiness* semata-mata.**

Pembangunan desa perlu dilaksanakan secara menyeluruh, merangkumi penyediaan infrastruktur, peningkatan pendapatan dan peluang ekonomi, di samping memelihara kesejahteraan jiwa, keharmonian keluarga, kekuatan komuniti, nilai keagamaan serta rasa aman dan bahagia dalam kehidupan.

Kita tidak mahu membandarkan desa sehingga desa kehilangan identiti dan nilai masyarakatnya. Sebaliknya, **kita mahu memodenkan desa melalui kemudahan, teknologi dan peluang ekonomi yang lebih baik tanpa menghilangkan kekuatan budaya serta hubungan erat dalam komuniti.**

Data terkini menunjukkan **kadar kemiskinan luar bandar menurun daripada 12 peratus kepada 9.9 peratus**. Corak migrasi turut memperlihatkan pergerakan dari luar bandar ke luar bandar sebanyak 7.6 peratus dan dari **bandar ke luar bandar sebanyak 7.2 peratus dan migrasi luar bandar ke bandar mengecil sehingga 0.6 peratus.**

Ini menunjukkan desa terus mempunyai daya tarikan sebagai tempat untuk hidup, bekerja dan membina masa depan. Namun, potensi ini

perlu disokong dengan peluang pekerjaan, aktiviti ekonomi, infrastruktur dan perkhidmatan yang berkualiti.

Justeru**, MEXCLUB bersetuju untuk memperkukuh Program Desa Lestari sebagai salah satu pemangkin ekonomi dan pendapatan masyarakat desa.** Sebuah pasukan *task force* akan diwujudkan bagi melaksanakan intervensi yang lebih tersusun terhadap koperasi terlibat, termasuk pengukuhan tadbir urus, penjenamaan, akses pasaran dan jaringan strategik.

Selain itu, kerajaan-kerajaan negeri melalui MEXCLUB dipohon mempercepatkan kelulusan, penyelarasan tanah, pembangunan infrastruktur dan penglibatan agensi berkaitan supaya aset strategik luar bandar dapat segera diaktifkan serta menjana manfaat ekonomi yang lebih besar kepada rakyat.

Saya turut memaklumkan mengenai peluasan Tabika Tunas Istimewa. Daripada 19 kelas yang sedang beroperasi, KKDW akan menyediakan sehingga **132 kelas tambahan melalui pembukaan dan baik pulih bangunan dengan peruntukan RM17.82 juta pada tahun hadapan.**

Yuran ditetapkan pada kadar RM100 bagi memastikan perkhidmatan ini terus mampu diakses, selaras dengan sasaran mewujudkan sekurang-kurangnya satu Tabika Tunas Istimewa di setiap daerah menjelang 2027.

AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

23 Julai 2026